



## Terma & Syarat Promosi PV Mei 2021

**TEMPOH PROMOSI:** Promosi sah dari **27 Mei, 2.30 petang hingga 31 Mei 2021**, sementara stok masih ada, berdasarkan siapa cepat dia dapat.

### PROMOSI BARANGAN & TINGKAT KELAYAKAN:

1. 400 PV & ke atas (Untuk Essential Rewards/Standard Order)
    - Campuran Minyak Pati Endoflex 15ml
    - Campuran Minyak Pati Lady Sclareol 15ml
    - Beg Pembaur
  2. 250PV & ke atas (Untuk Essential Rewards/Standard Order)
    - Pencuci Muka Mencerah BLOOM 100g\*
- \*Juga boleh didapati bagi pesanan 400PV & ke atas*

### PLATFORM PESANAN\*:

1. DALAM TALIAN (Virtual Office)
2. Standard Order melalui Virtual Office sahaja
3. Jotform (<https://form.jotform.com/202251161477045>) untuk memproses pesanan Essential Rewards menggunakan komisen/kad kredit pada fail

### PEMENUHAN PESANAN melalui:

1. Pengambilan di Experience Center\*\* / Kota Kinabalu Distribution Center
2. Penghantaran (*caj dikenakan*)

\*Young Living Malaysia akan menggunakan semua sumber yang diperlukan untuk menggabungkan dan mengemas kini semua maklumat yang terkandung dalam dokumen ini dengan teliti. Namun, maklumat ini masih tertakluk kepada sebarang perubahan pada mana-mana waktu tanpa notis awal bergantung kepada keperluan operasi atau keadaan cth., perubahan dalam waktu perniagaan, waktu gendala yang tidak dijangkakan, dan sebagainya di Experience Center, Kota Kinabalu Distribution Center, dan di seluruh titik sentuh pengedaran atau khidmat pelanggan kami.

\*\*Pengambilan/kutipan Experience Center boleh didapati untuk Pengambilan Pesanan Pukal SAHAJA

### TERMA & SYARAT:

1. Promosi ini terbuka untuk Ahli Young Living Malaysia semasa tempoh promosi sahaja.
2. Promosi ini terbuka untuk Pesanan Essential Rewards (ER) bagi tingkat 250PV dan 400PV. Setelah pesanan ER dibuat, ahli tidak akan dibenarkan membuat apa-apa perubahan atau membuat penambahan pada pesanan bagi menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad. Terhad kepada (1) pesanan ER layak setiap bulan.
3. Pemprosesan pesanan Essential Rewards menggunakan komisen/kredit pada fail HANYA boleh didapati melalui penyerahan Jotform di pautan ini: <https://form.jotform.com/202251161477045>
4. Promosi ini terbuka untuk Pesanan Standard Order (SO) bagi tingkat Promosi 250PV dan 400PV sahaja. Platform pesanan untuk SO melalui VIRTUAL OFFICE SAHAJA. Setelah pesanan SO dibuat, ahli tidak akan

dibenarkan membuat apa-apa perubahan atau membuat penambahan pada pesanan bagi menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad.

5. Menukar jenis pesanan daripada Standard Order kepada ER adalah tidak dibenarkan.
6. Penyerahan menerusi Jotform akan diproses dalam masa 2 hari perniagaan. Jika pesanan Essential Rewards tidak dipaparkan dalam Virtual Office selepas 2 hari perniagaan dari tarikh penyerahan, sila hubungi Member Services di talian bebas tol kami 1 800 189 889 atau menerusi Live Chat. Untuk menggunakan Live Chat, sila ikuti langkah-langkah yang disediakan di pautan ini:  
[https://www.flickr.com/photos/youngliving\\_mal/50468289686/](https://www.flickr.com/photos/youngliving_mal/50468289686/)
7. Templat Essential Rewards (ER) mestilah dikemas kini 3 hari sebelum tarikh pemprosesan ER.
8. Sebelum penyerahan Jotform, pastikan butiran kad di Virtual Office adalah tepat dan dikemas kini. Penyerahan tanpa butiran kad disimpan pada fail tidak akan diproses.
9. Minimum PV hendaklah dicapai dalam satu pesanan tunggal. Pesanan separa yang dibuat sepanjang bulan kelayakan tidak boleh digabungkan untuk menikmati tawaran tersebut.
10. Promosi PV bukan bersifat kumulatif.
11. Barang percuma tidak boleh dikembalikan dan ditukar. Kerosakan akibat haus dan lusuh tidak layak untuk sebarang pemulangan/pemulangan wang/penggantian.
12. STOK TERHAD untuk Beg Pembaur. Tiada pesanan tertangguh/pesanan semula akan diterima apabila stok untuk barang promosi ini habis.
13. Young Living Malaysia berhak untuk menggantikan mana-mana barang dengan barang yang mempunyai nilai yang sama sekiranya barang tersebut tidak boleh didapati atau membatalkan/menamatkan promosi ini atas budi bicara syarikat.
14. Young Living Malaysia berhak untuk menamatkan promosi sebelum tempoh promosi berakhir.
15. Promosi ini dan semua barang yang terlibat adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat selepas bayaran berjaya. Oleh itu, Young Living Malaysia tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan atau memberitahu sekiranya barang kehabisan stok, menjadi tidak boleh didapati atau mencapai had boleh didapati maksimum mereka.
16. Dalam kejadian di mana pesanan tidak boleh diproses kerana isu bayaran/bayaran ditolak/dana tidak mencukupi, Young Living Malaysia berhak untuk tidak meneruskan/memproses transaksi. Sila pastikan tiada isu dengan bank yang mengeluarkan kad kredit/debit anda, baki dalam kad anda adalah mencukupi dan fungsi e-dagang telah diaktifkan pada kad anda.
17. Young Living Malaysia berhak membatalkan atau mengubah terma dan syarat promosi tanpa notis jika berlakunya malapetaka, perang, gangguan ketenteraan atau sivil, kuasa Tuhan atau sebarang pelanggaran undang-undang yang dikenakan, baik benar-benar berlaku ataupun dijangkakan atau sebarang kejadian lain di luar kawalan Young Living Malaysia. Sebarang perubahan pada promosi akan dimaklumkan oleh Young Living Malaysia.
18. Versi bahasa Inggeris bagi Terma & Syarat ini hendaklah diutamakan sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau tidak konsisten didapati pada terjemahan bahasa Cina dan bahasa Melayu.

## TERMA & SYARAT: PENGHANTARAN

1. Sebaik sahaja pesanan diproses atau melepassi tarikh Essential Rewards, apa-apa perubahan pada alamat tidak akan diterima dan penghantaran akan dilakukan ke alamat yang sedia ada.
2. Sebaik sahaja pesanan diproses atau melepassi tarikh Essential Rewards, pembatalan penghantaran tidak dibenarkan. Sila terima bungkusan tersebut dan pulangkan ke Young Living setelah mendapatkan nombor Pengesahan Pengembalian Barang (RMA).
3. Apabila pembayaran telah berjaya, sebarang pembatalan atau perubahan pada pesanan tidak akan dilayan.
4. Jika anda (baris atasan) membuat pesanan bagi pihak ahli baris bawahan anda, sila pastikan bahawa ahli baris bawahan anda sedar akan pesanan tersebut supaya dia akan menerima dan tidak menolak bungkusan tersebut setelah dihantar.



5. Apabila anda membuat pesanan penghantaran, anda akan menerima pesanan anda dalam lebih kurang 14 hari perniagaan. (Nota: Jadual penghantaran Malaysia Timur mungkin berbeza)
6. Sila pastikan alamat penghantaran anda adalah alamat kediaman atau pejabat memandangkan kami tidak boleh menghantar pesanan anda ke kotak PO. Jika anda ahli Essential Rewards (ER), sila periksa dan kemas kini alamat anda di templat ER anda juga.

#### TERMA & SYARAT: PENGAMBILAN DI EXPERIENCE CENTER

Sebaik sahaja pesanan diproses, sila hantarkan permohonan Pengambilan Pesanan Pukal anda menggunakan pautan Jotform ini: <https://form.jotform.com/YoungLivingMalaysiaHQ/BulkOrderPickUp> dalam tempoh 3 hari perniagaan. Pesanan yang tidak diambil akan dihantar dengan fi penghantaran ditanggung oleh ahli. Sekiranya tidak terdapat kad kredit yang didaftarkan pada akaun ahli dan/atau maklumat kad kredit tersebut tidak sah, pesanan akan dibatalkan dan bayaran akan dikembalikan dalam bentuk kredit dalam akaun ahli.

#### SOALAN LAZIM (FAQ)

##### Soalan berkaitan pesanan

S1: Di mana saya boleh dapatkan senarai promosi di Virtual Office?

J: Log masuk ke Virtual Office, klik pada Member Resources > Resource Categories > Promotion & Program > PV Promo.

S2: Bolehkah saya jumpa terus dan buat pesanan di Experience Center ??

J: Tidak. Promosi ini boleh didapati menerusi pemesanan dalam talian di Virtual Office untuk Standard Order dan menerusi Jotform (<https://form.jotform.com/202251161477045>) untuk pesanan Essential Rewards menggunakan komisen/kad kredit pada fail.

S3: Bolehkah saya menelefon Member Services (MS) untuk membuat pesanan?

J: Tidak. Untuk pesanan Essential Rewards (ER), sila serahkan pesanan menerusi pautan Jotform ini: <https://form.jotform.com/202251161477045>. Sila pastikan templat pesanan ER anda telah disimpan dengan betul dan butiran kad kredit sah untuk belian dalam talian sebelum menghubungi Member Services. Platform pesanan untuk Standard Order (SO) melalui VIRTUAL OFFICE SAHAJA.

S4: Bolehkah saya menelefon Member Services untuk memproses pesanan Essential Rewards (ER) saya menggunakan komisen pada fail?

J: Tidak. Untuk memproses pesanan ER anda menggunakan komisen pada fail, sila serahkan pesanan anda dalam talian menerusi pautan Jotform ini: <https://form.jotform.com/202251161477045>

S5: Saya telah menyerahkan pesanan Essential Rewards saya menerusi Jotform. Bilakah ia akan diproses?

J: Pesanan anda akan diproses dalam masa 2 hari perniagaan daripada tarikh penyerahan.

S6: Bolehkah saya membuat pesanan dalam talian di Virtual Office dan mengambil pesanan saya di Experience Center?

J: Ya. Semua pesanan boleh dihantar atau diambil dari Experience Center. Tetapi, pilihan pesanan dari Experience Center hanya boleh didapati di bawah Pengambilan Pesanan Pukal untuk 3 hingga maksimum 10 pesanan. Sila

rujuk pada proses dan terma Pengambilan Experience Center di atas untuk maklumat lanjut. Jika anda memilih Penghantaran Tempatan, sila rujuk pada FAQ berkaitan Penghantaran di bawah.

S7: Bolehkah saya memilih untuk membuat pengambilan (iaitu di Experience Center dan KKDC) untuk promosi ini?

J: Ya. Pilihan pengambilan di Experience Center & KKDC boleh didapati untuk promosi ini. Namun begitu, pilihan pengambilan dari Experience Center hanya boleh didapati untuk Pengambilan Pesanan Pukal untuk 1 hingga maksimum 10 pesanan. Sila rujuk pada proses dan terma Pengambilan Experience Center di atas untuk maklumat lanjut.

S8: Kenapa pilihan pengambilan pesanan dari Experience Center hanya boleh didapati untuk Pengambilan Pesanan Pukal sahaja?

J: Pilihan ini hanya boleh didapati untuk Pengambilan Pesanan Pukal sahaja dengan sekurang-kurangnya 10 hingga 10 pesanan bagi mematuhi peraturan dan saranan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengawal kesesakan dan memastikan penjarakan sosial berikutan pandemik Covid-19.

S9: Bolehkah saya mengubah pesanan supaya layak untuk menikmati promosi PV bulanan?

J: Tidak. Setelah pesanan dibuat, ahli tidak akan dibenarkan membuat apa-apa perubahan pada pesanan bagi menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad. Anda hanya akan layak untuk menikmati promosi PV bulanan yang ditawarkan dalam satu pesanan tunggal dan memenuhi keperluan promosi PV tersebut. Menukarkan jenis pesanan daripada Standard Order kepada ER adalah tidak dibenarkan.


S10: Saya telah membuat pesanan Essential Rewards (ER) saya untuk bulan ini. Bolehkah saya mengubah pesanan saya?

J: Tidak. Setelah pesanan dibuat, ahli tidak akan dibenarkan membuat apa-apa perubahan pada pesanan bagi menikmati promosi PV bulanan. Setiap ahli hanya dibenarkan untuk membuat pesanan ER sekali dalam sebulan. Jika anda telah membuat pesanan ER anda untuk bulan ini, anda masih boleh menikmati promosi ini dengan Standard Order.

S11: Pesanan Essential Rewards (ER) saya telah diproses secara automatik hari ini dan ia kurang daripada 100PV kerana barang yang kehabisan stok. Bolehkah saya mengubah pesanan saya?

J: Tidak. Selepas penyerahan pesanan, ahli tidak dibenarkan membuat perubahan atau menambah pesanan. **Untuk mengelakkan pesanan diproses di bawah 100PV, sila gunakan fungsi Pembantu PV dalam Virtual Office sebelum tarikh pemprosesan anda. Untuk mula menggunakan Pembantu PV, rujuk pada langkah-langkah berikut:**


Langkah 1: Klik pada pilihan Pembantu PV di seksyen Essential Rewards di Virtual Office.



The screenshot shows the Young Living Virtual Office dashboard. At the top, there's a navigation bar with 'My Monthly Order', 'Rewards Points', 'PV Assistant' (which is highlighted with a red box), and 'YL Go'. Below the navigation bar, there's a 'Set Your PV and Priority' section with a note about using the 'Edit' link to set PV goals. On the left, there's a sidebar with sections for 'DASHBOARD', 'MEMBER NEWS', 'ESSENTIAL REWARDS' (which is also highlighted with a red box), 'My Monthly Order', 'Rewards Points', 'PV Assistant' (highlighted with a red box again), 'YL Go', and 'Rewards Points History'. The main content area shows 'My Order' details: 'PV Goal: 100.00' with an 'Edit PV Goal' link, 'PV Total: 92.75', and a checkbox for 'Paused (Check the box to activate your PV Assistant)'.


Langkah 2: Tetapkan sasaran PV anda dengan memilih pautan Edit PV Goal.

- Masukkan sasaran bulanan PV anda.
- Klik pada butang **Update Goal** untuk menyimpan.



Langkah 3: Klik **Tambah Produk** untuk membuka Troli Pembantu PV.

- Cari produk untuk ditambah dengan mencari nama item atau nombor item, dan tekan **Save Monthly Order** apabila selesai.



Langkah 4: Tetapkan Keutamaan Produk

Anda boleh menetapkan aturan produk yang perlu dipilih Pembantu PV dalam Pesanan Bulanan anda. Untuk berbuat demikian, klik dan tarik setiap satu kotak produk berwarna kelabu ke atas dan ke bawah berdasarkan aturan pilihan anda.

- Nota: Pembantu PV akan menambah produk dalam susunan atas ke bawah berdasarkan pilihan anda.
- Penting: Kami mencadangkan anda meletakkan item dengan PV bernilai kecil pada bahagian atas supaya Pembantu PV tidak akan memilih item dengan PV bernilai besar untuk mencukupkan pesanan anda dalam situasi di mana anda hanya kekurangan beberapa mata.



## My Order

PV Goal: 100.00 [Edit PV Goal](#)

PV Total: 30.75

Paused (Check the box to activate your PV Assistant)

≡ #1 Black Pepper Essential Oil	Qty: 1	PV: 19.25
≡ #2 Cedarwood Essential Oil	Qty: 1	PV: 11.50

[Add Products](#)

S12: Jika pesanan Essential Rewards (ER) telah diproses secara automatik, bolehkah saya membatalkan pesanan ER saya?

J: Tidak. Apabila ER Malaysia anda diproses secara automatik, anda perlu menerima pesanan tersebut dan mengembalikannya kepada Young Living selepas menerima nombor Pengesahan Pengembalian Barang (RMA) daripada pasukan Member Services Malaysia. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, nombor RMA boleh didapati dengan menghubungi pasukan Member Services di talian bebas tol kami 1 800 189 889 atau menerusi Live Chat. Untuk menggunakan Live Chat, sila ikuti langkah-langkah yang disediakan di pautan ini:

[https://www.flickr.com/photos/youngliving\\_mal/50468289686/](https://www.flickr.com/photos/youngliving_mal/50468289686/)

S13: ER Malaysia saya telah diproses secara automatik dan ia kurang daripada 100PV. Bolehkah saya menambah dengan pesanan ER lain untuk mencukupkannya?

J: Tidak. Semua transaksi pesanan ER mestilah dalam pesanan tunggal. Selepas penyerahan pesanan, ahli tidak dibenarkan membuat perubahan atau menambah pesanan.

S14: Bolehkah saya membuat berbilang pesanan dalam talian dan hantarkan ke alamat yang sama dengan caj penghantaran 1-kali sahaja?

J: Caj penghantaran dikenakan ke atas setiap pesanan yang dilakukan. Kami sarankan supaya anda menggabungkan pesanan anda mengikut had promosi.

S15: Adakah saya perlu membayar fi penghantaran?

J: Ya. Caj penghantaran berikut akan dikenakan kecuali dinyatakan sebaliknya.

Standard Order	Pesanan Essential Rewards
0kg – 2kg	RM20.00
2kg – 3kg	RM25.00
3kg ke atas	RM30.00
	0kg – 2kg RM12.00
	2kg – 3kg RM17.00
	3kg ke atas RM22.00

S16: Jika saya membuat pilihan penghantaran, bila boleh saya terima pesanan saya?

J: Apabila anda membuat pesanan melalui penghantaran, anda akan menerima pesanan anda dalam lebih kurang 14 hari perniagaan. (Nota: Jadual penghantaran Malaysia Timur mungkin berbeza) Sila pastikan alamat dan butiran hubungan anda adalah betul ketika membuat pesanan bagi mengelak kelewatan dalam penghantaran.

S17: Apa telah berlaku...?

- Saya cuba untuk membuat pesanan Dalam Talian (melalui Virtual Office), tetapi saya tidak dapat meneruskan untuk membuat pembayaran. Apa yang telah berlaku?
- Saya tidak dapat masukkan produk ke troli. Apa telah berlaku?



- Saya tidak dapat melihat barang promosi dalam talian. Apa yang telah berlaku?

J: Semua barang promosi boleh didapati di Virtual Office > Member Resources > Resource Categories > Promotion & Program > PV Promo. Jika anda tidak dapat melihat/membuat pesanan, kami sarankan supaya anda melakukan yang berikut:

Langkah 1: Segar semula laman anda. Jika anda masih tidak boleh melihat barang tersebut, sila teruskan ke Langkah 2.

Langkah 2: Kosongkan Cache.

*Mengosongkan cache dalam Chrome:*

1. Buka Chrome pada komputer anda.
2. Pada sudut kanan atas, klik Lagi.
3. Klik Lagi alatan > Kosongkan data semakan imbas.
4. Di bahagian atas, pilih julat masa. Untuk memadam kesemuanya, pilih All time.
5. Tanda kotak-kotak di sebelah "Cookies and other site data" dan "Cached images and files".
6. Klik Clear data.

*Dalam aplikasi-aplikasi pelayar yang lain:*

*Jika anda menggunakan Firefox atau pelayar-pelayar yang lain, lihat laman sokongannya untuk mendapatkan arahan.*

Langkah 3: Cuba buat pesanan anda sekali lagi.

Nota: Jika setelah mengosongkan cache dan anda masih tidak dapat meneruskan dengan membuat pesanan anda, kami sarankan supaya anda lawat semula troli pembelian anda kerana kemungkinan satu daripada barang tersebut sudah kehabisan stok dan sistem belum disegerakkan lagi.

S18: Adakah promosi ini boleh didapati untuk Pengaktifan Semula?

J: Ya. Promosi ini boleh didapati untuk Pengaktifan Semula bagi Standard Order (SO)/Essential Rewards (ER).

**Untuk Pengaktifan Semula bagi SO, sila layari Virtual Office.**

Log masuk ke [https://www.youngliving.com/en\\_MY/virtual-office](https://www.youngliving.com/en_MY/virtual-office) → Masukkan maklumat log masuk anda → Masukkan item pesanan anda → Proses pesanan anda dan pastikan pembayaran berjaya.

**Untuk Pengaktifan Semula di bawah ER, sila serahkan permohonan Pengaktifan Semula menerusi pautan Jotform ini: <https://form.jotform.com/202261156181042>**

S19: Saya telah menyerahkan pesanan Essential Rewards saya menerusi Jotform. Bilakah ia akan diproses?

J: Pengaktifan Semula anda akan diproses dalam masa 2 jam perniagaan daripada tarikh penyerahan.

S20: Adakah saya perlu menghubungi Member Services selepas saya menghantar jotform?

J: Tidak. Anda hanya perlu menghubungi Member Services jika pesanan anda tidak diproses selepas 2 jam perniagaan dari tarikh penyerahan.



S21: Adakah semua model pembaur Young Living Malaysia muat di dalam Beg Pembaur?

J: Tidak. Anda boleh membawa semua model pembaur Young Living Malaysia menggunakan Beg Pembaur, kecuali Pembaur Aria.

S22: Satu daripada minyak yang saya terima hanya terisi separuh penuh, bocor, atau rosak setelah diperiksa. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Sila hantarkan e-mel kepada pasukan Member Services kami di [custservmy@youngliving.com](mailto:custservmy@youngliving.com) dan mereka akan menerangkan kepada anda tentang dasar isian kurang. Sila ambil perhatian yang perkara ini perlu dimaklumkan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas produk diterima.

## Soalan berkaitan pembayaran

S1: Bagaimana jika pembayaran saya masuk ke batch 103?

J: Pesanan di bawah batch 103 akan disahkan dengan segera semasa dalam tempoh promosi. Pesanan hanya akan disahkan dan dihantar selepas pembayaran berjaya dilakukan. Jika pembayaran kemudiannya ditolak, pesanan tersebut akan dibatalkan. Sila pastikan bahawa pesanan telah diproses semula pada hari yang sama untuk layak menikmati promosi. Kami sarankan supaya anda tidak menggunakan kad kredit yang sama untuk transaksi/pesanan yang berbilang bagi mengelakkan isu pembayaran batch. Sila pastikan butiran kad spt. nama (termasuk nama pertama dan terakhir), poskad, alamat, tarikh luput, dsb. adalah betul sebelum meneruskan dengan pembayaran.

S2: Jika saya berhadapan dengan masalah pembayaran, seperti pembayaran ditolak atau tidak berjaya, apa yang perlu saya lakukan?

J: Jika anda berhadapan dengan kegagalan bayaran untuk pesanan ER yang bukan disebabkan masalah kad, sila hantarkan permohonan anda untuk memproses semula bayaran menggunakan pautan JotForm ini: <https://form.jotform.com/202251161477045>. Sila pastikan tiada isu dengan bank yang mengeluarkan kad kredit/debit anda, baki dalam kad anda adalah mencukupi dan fungsi e-dagang telah diaktifkan pada kad anda. Pesanan anda seterusnya akan dibatalkan tanpa sebarang pemberitahuan daripada Member Services jika bayaran masih tidak berjaya selepas penyerahan JotForm.

S3: Saya berhadapan dengan kesukaran untuk mengemaskini maklumat terkini saya pada fail. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Kami sarankan supaya ahli yang menghadapi isu dalam pembayaran sebelum ini untuk mengemaskinikan maklumat terkini mereka pada fail di Virtual Office:

Langkah 1: Log masuk Virtual Office dan klik pada My Account > My Wallet

Langkah 2: 'Edit payment method' (bagi mengemas kini kad sedia ada) atau 'Add new payment method' (bagi bertukar kepada kad baharu)

Nota: Jika anda ingin menambah kaedah pembayaran baharu, sila kemas kinikan juga ER Template > Change Payment Method. Ini adalah untuk memastikan bahawa pesanan anda dicaj pada kad yang baharu dikemaskini.

## Peringatan lain-lain

- Sila pastikan bahawa alamat penghantaran di Virtual Office telah dikemaskinikan dan butirannya dimasukkan ke kolumnya yang betul cth. jangan masukkan Poskad di bawah kolumna Bandar.



- Sila pastikan bahawa nombor anda untuk dihubungi sentiasa dikemaskinikan.
- Menurut seksyen Dasar dan Tatacara Young Living, ahli hanya dibenarkan untuk melakukan penjualan semula produk kepada bukan ahli pada julat harga antara 10% lebih daripada Harga Borong dan 24% daripada Harga Runcit. Ini tidak boleh dipakai untuk barang percuma atau barang yang dibeli semasa promosi istimewa. Oleh itu, apa-apa diskaun bulanan atau istimewa daripada Young Living ke atas produk adalah ditawarkan khas untuk ahli sahaja.
- Seperti yang dinyatakan di atas, promosi ini tidak boleh ditawarkan sebagai produk jualan semula kepada bukan ahli. Ahli juga tidak dibenarkan untuk menggunakan inventori lebihan mereka sendiri untuk meniru promosi yang serupa semasa tempoh jualan bulanan atau istimewa Young Living berlangsung.

- DOKUMEN TAMAT -